



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.61/2018

PROSES PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN N.49 SUNGAI KANDIS, SELANGOR

1. Hari ini proses Penamaan Calon bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.49 Sungai Kandis telah dijalankan.
2. Selepas tempoh penamaan calon ditutup pada jam **10.00 pagi**, SPR telah menerima sebanyak **TIGA** kertas pencalonan bagi PRK ini daripada pihak-pihak berikut :
 1. **Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (PKR) (Masa: 9.08 pagi)**
 2. **Lokman Noor Bin Adam (BN) (Masa: 9.09 pagi)**
 3. **Murthy A/L Krishnasamy (BEBAS) (Masa: 9.35 pagi)**

TEMPOH RASMI BERKEMPEN

3. Dengan selesai proses penamaan calon tersebut, maka **bermulalah tempoh rasmi berkempen** sehingga jam **11.59 malam, 3 Ogos 2018.**

PEMANTAUAN KEMPEN OLEH PP-KPR

4. Bagi tujuan memantau aktiviti berkempen sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR telah menubuhkan **SATU** Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan raya (PP-KPR) selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah **Seksyen 27B Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.**

MEMASANG BAHAN KEMPEN

5. Calon **DIBENARKAN** untuk mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya yang mengandungi gambar calon, lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti yang diwakilinya termasuklah lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti komponen/gabungan/pakatan.
6. Apa-apa bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, pelekat dan poster hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya **KECUALI** bendera, poster symbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.
7. PP-KPR boleh menurunkan bahan kempen yang berunsur negatif atau melanggar peruntukan undang-undang pilihan raya.
8. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat atau yang boleh mendatangkan permusuhan** adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

CERAMAH PERLU MENDAPATKAN PERMIT POLIS

9. Setiap ceramah perlu mendapatkan permit daripada PDRM dan PDRM berkuasa untuk mengambil tindakan bagi aktiviti ceramah yang dijalankan tanpa permit.

PEMERHATI PILIHAN RAYA

10. SPR telah melantik **69 orang** pemerhati pilihan raya daripada kalangan anggota SUHAKAM, ahli akademik dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (**NGO**) tempatan untuk memantau proses pilihan raya ini yang terdiri daripada :
 - (a) SUHAKAM
 - (b) BERSIH 2.0
 - (c) ENGAGE

- (d) Persatuan Orang Kota Bharu (POKB)
- (e) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- (f) Kelab Pemikir Politik Nasional .

JANGKAAN PERATUSAN KELUAR MENGUNDI:

- 11. SPR menjangkakan peratusan keluar mengundi untuk PRK ini adalah lebih kurang **80 peratus.**
- 12. SPR berharap para pengundi dapat keluar mengundi untuk menunaikan hak dan tanggungjawab mereka.

PENGUMUMAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA

- 13. Dijangkakan Keputusan akan diumumkan pada **jam 10.00 malam.**

ASPEK PENAMBAHBAIKAN

- 14. Pada PRK ini beberapa penambahbaikan dilaksanakan antaranya;
 - i) Bagi pengundi yang berumur 60 tahun dan ke atas akan diwujudkan dua saluran.
 - ii) Tambahan waktu mengundi selama **30 minit** iaitu dari jam **8 pagi** hingga jam **5.30 petang** (sebelumnya **8.00 pagi - 5:00 petang** sahaja).
 - iii) Menambah **21 saluran baharu** di Pusat Mengundi yang ramai pengundi. (**88 Saluran kepada 109 saluran**)

SEMAKAN DAFTAR PEMILIH

15. Para pengundi disaran membuat semakan Daftar Pemilih lebih awal untuk mengetahui **maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** mereka melalui **Laman Web SPR** (www.spr.gov.my) atau menelefon ke talian **03-88927018** atau melalui **SMS 15888** atau menyemaknya melalui **aplikasi MYSPR SEMAK**.
16. Bagi **pengundi** yang telah mengetahui maklumat Pusat Mengundi, Saluran Mengundi dan juga nombor bilangan, mereka boleh **mencatat maklumat berkenaan** dan **membawa catatan itu** ke tempat mengundi tanpa perlu menyemaknya lagi di barung SPR.

HARAPAN SPR

17. Untuk memastikan tempoh berkempen berjalan dengan aman dan harmoni, tidak ada gangguan, semua pihak termasuk pemimpin-pemimpin parti politik, calon-calon yang bertanding, penyokong-penyokong parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan, tata- etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh SPR dan PDRM.
18. SPR berharap aktiviti berkempen akan berjalan lancar dan tidak mengganggu ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

TAN SRI OTHMAN BIN HAJI MAHMOOD

Timbalan Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

21 Julai 2018/SABTU

8 Zulkaedah 1439H